

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23/09/2017B

PERATURAN KESELAMATAN PUSAT TAHFIZ

# Kabinet arah bomba buat pemeriksaan

BH - 23/9/2017 p. 2

➔ Perdana Menteri mahu semua pusat tahfiz patuhi piawaian ditetapkan

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Azrone Sarabatin  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**usat tahfiz yang gagal mematuhi peraturan keselamatan diberi tempoh untuk mempertingkatkan aspek itu atau diarah menghentikan operasi jika terus mengabaikannya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi memastikan tragedi menimpa pusat tahfiz Darul Quran Itifaqiyah di Kampung Datuk Keramat, di ibu negara minggu lalu, tidak berulang.

Katanya, Kabinet semalam memutuskan Jabatan Bomba dan Pe-

nyelamat memeriksa semua pusat tahfiz di seluruh negara untuk memastikan keselamatan pusat itu mencapai piawaian ditetapkan.

### Tak boleh kompromi

"Ini semua berkait dengan soal keselamatan anak kita yang berada di pusat berkenaan. Kita tidak boleh kompromi dengan perkara ini. Perkara ini lebih mendesak.

"Ia (isu keselamatan pusat tahfiz) seperti bom jangka, tidak boleh dipandang ringan. Ini nyawa anak-anak, bukan soal kuasa kerajaan negeri atau Persekutuan sahaja.

"Ini soal kebajikan dan keselamatan, nyawa anak-anak yang perlu kita pertahan dan jaga sebaik-baiknya. Ini soal masa depan," katanya ketika berucap pada sambutan Ma-

al Hijrah 1439 di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Timbalannya, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Pada majlis terbabit, Perdana Menteri turut menyampaikan Tokoh Maal Hijrah 1439 Peringkat Kebangsaan kepada bekas Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai, 87.

### Tragedi terus hantui PM

Beliau menerima wang tunai RM100,000; pingat dan sijil penghargaan.

Najib berkata, tragedi terbaharu menimpa pusat tahfiz terus menghantui fikiran beliau dan mahu

semua pihak bersama-sama mengatasi masalah berkaitan keruntuhan moral masyarakat yang semakin membimbangkan.

Sementara itu, Najib berkata, kesatuan dan perpaduan adalah aset serta azimat untuk merencana strategi dalam membina negara bangsa berjati diri serta berjaya.

Katanya, dengan kesatuan, khususnya dalam kalangan umat Islam dan rakyat negara ini, Malaysia bebas daripada bekuang penjajahan dan mencapai kemerdekaan.

Penyatuan dan permuafakatan juga katanya, bukan sahaja membawa rakyat keluar daripada kepompong kemiskinan, bahkan kini rancak merintis jalan kemakmuran menuju ambang negara maju dan berpendapatan tinggi.